

18/02/1998

Singapura akan terus melabur di Malaysia

MELAKA, Selasa - Kerajaan Singapura yakin keadaan ekonomi Malaysia yang semakin pulih boleh menarik lebih ramai pelabur republik itu menanam modal di sini.

Perdana Menterinya, Goh Chok Tong, berkata pihaknya yakin pelabur Singapura akan menanam lebih banyak modal di negara ini berikutan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengalu-alukan kedatangan pelabur republik Singapura, khususnya dalam industri pembuatan dan infrastruktur.

Menurutnya, hubungan Singapura dengan Malaysia, khususnya dengan Melaka, Johor dan Selangor yang turut mempunyai pertalian sejarah, boleh menarik minat pelabur republik itu melabur di sini.

"Terpulanglah kepada pelabur swasta Singapura untuk memilih tempat yang sesuai bagi menanam modal mereka di sini," katanya kepada pemberita selepas melawat kilang Cubic Electronics Sdn Bhd, di Zon Perdagangan Bebas Batu Berendam di sini, petang ini.

Turut hadir, Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abdul Aziz Omar dan Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Sains dan Teknologi Negeri, Datuk Ibrahim Durum.

Kunjungan Goh dan isterinya ke Melaka diiringi Timbalan Menteri Perusahaan Awam, Datuk Hishamuddin Hussein.

Mengenai perkembangan industri pelancongan di negara ini, Goh berkata, setiap tahun, lebih tujuh juga pelancong mengunjungi republik itu dan jika kerajaan Melaka dapat menggunakan peluang itu, ia memberi satu kelebihan kepada sektor pelancongan di sini.

Katanya, terpulanglah kepada kerajaan negeri pimpinan Abu Zahar, untuk menggunakan peluang yang ada bagi menarik pelancong berkenaan mengunjungi negeri ini.

Dalam pada itu, Singapura juga akan mengikut langkah Malaysia untuk menentukan kadar tol bagi Laluan Kedua Malaysia-Singapura (Linkedua).

"Setakat ini, Singapura belum menetapkan kadar bayaran bagi laluan kedua dan kita menunggu Malaysia untuk memulakannya," katanya.

Linkedua mula digunakan pada 3 Januari lalu dan jarak jambatan yang dibina untuk menghubungkan negara itu hanya 210 meter, berbanding 1,690 meter yang dibina di sebelah Johor.

Sementara itu, dalam sidang akhbar selepas lawatan itu, Abu Zahar berkata, jumlah pelaburan Singapura di Melaka ialah kira-kira RM235 juta dan jumlah itu dijangka bertambah berikutan kemasukan beberapa pelabur baru dari republik itu.

Menurut Abu Zahar, 50 syarikat dari Singapura sudah mengemukakan permohonan untuk melabur dalam pelbagai bidang di negeri ini dan jika permohonan diluluskan, akan memberi manfaat kepada Melaka.

"Saya juga sudah mengarahkan Jawatankuasa Pelancongan Negeri supaya menyediakan lebih banyak kemudahan penginapan pelancong, selain meningkatkan usaha bagi menarik pelancong asing, khususnya rakyat Singapura ke sini," katanya.

(END)